

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
TARIKH : 03 OKTOBER 2016

Kali pertama sertai kejohanan terus bawa pulang kejuaraan  
**MBSA pahat sejarah tersendiri**

■ KUALA LUMPUR 2 OKT.

**P**ENYERTAAN pertama pada Kejohanan Sepak Takraw KFC-Utusan nyata membawa tuah buat Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) apabila berjaya bergelar juara kategori Terbuka hari ini.

Pasukan yang hanya dibentuk dua minggu lalu itu menundukkan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 15-8, 12-15, 15-10 pada aksi *final* yang berlangsung selama satu jam 15 minit di Quill City Mall di sini.

Dengan diperkuatkan tekong kebangsaan, Mohd. Farid Abd. Aziz, MBSA lebih banyak mengawal permainan dengan baik untuk menang, sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai lumayan RM15,000 selaku juara. Naib juara pula menerima RM5,000.

Ini diakui jurulatih MBSA, Abd. Rahim Mohd. Adnan yang menyifatkan tekongnya itu banyak memberi keyakinan kepada rakan sepasukan lain untuk menyambut setiap serangan yang dilancarkan pasukan lawan.

"Set pertama, keyakinan pemain kami cukup tinggi tetapi seperti yang dijangka, tekong lawan juga sukar diramal persembahannya menyebabkan kami tewas di set kedua. Bagaimanapun kami berjaya kembali mengawal keadaan di set ketiga dan menang.

**KEPUTUSAN**

KATEGORI TERBUKA	
Juara	Hadiah
MBSA	RM15,000
Naib Juara	
MPSJ	RM5,000
BAWAH 16 TAHUN	
Juara	
Warisan Mutiara Implan B	RM6,000
Naib Juara	
Parlimen Kuala Pilah	RM3,000
BAWAH 14 TAHUN	
Juara	
SSN Melaka	RM5,000
Naib Juara	
PLN Perlis	RM2,000
BAWAH 12 TAHUN	
Juara	
MSS Pahang A	RM3,000
Naib Juara	
MSS Pahang B	RM1,000

"Kunci kemenangan kami ialah keserasian baik antara pemain malah mereka saling membantu satu sama lain untuk mengawal permainan dengan baik," katanya yang mengakui MBSA baru menubuhkan semula pasukan sepak takraw mereka tahun ini.

Sementara itu, jurulatih MPSJ, Nor Hasnim Deli tetap berpuas hati dengan pencapaian anak



buahnya yang telah mempamer persembahan sehabis baik sebelum kecundang di tangan MBSA.

"Seperti yang saya katakan sebelum ini, tekong mereka banyak memainkan peranan dalam memungut mata penting dan menyuntik semangat pasukan.

"Dia juga ada buat silap tetapi kami gagal ambil kesempatan sebaliknya dalam waktu sama, kami juga membuat kesilapan," tegasnya.

Selain Mohd. Farid, MBSA turut diperkuatkan Amirul Syafiq Shamsuddin dan Azri Hanif Zainal, manakala MPSJ B diwakili Mohammad Yussairil Amir Yusof, Muhamad Shafirul Nizam dan Muhamad Nur Famee Abd. Jalil.



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
TARIKH : 03 OKTOBER 2016



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
TARIKH : 03 OKTOBER 2016



ORANG ramai yang menyaksikan perlawanan akhir Terbuka di antara MPSJ dan MBSA di Quill City Mall Kuala Lumpur, semalam.